

**Limbang Bakal Naik Taraf Infrastruktur Pelancongan  
Bernama  
29 Mei, 2012**

LIMBANG, 29 Mei (Bernama) -- Infrastruktur pelancongan di Limbang akan dinaik taraf dalam usaha meningkatkan kunjungan pelancong ke bandar ini yang terkenal dengan ikan salai atau lebih popular sebagai 'ikan tahai' kepada penduduk setempat.

Pengerusi Majlis Daerah Limbang Sufian Mohat berkata antara cadangan projek menaik taraf infrastruktur yang dijangka dilaksanakan itu termasuk menaik taraf Taman Rekreasi Bukit Kayu Hitam melibatkan kos RM500,000 dan menaik taraf kawasan 'lumpur gunung berapi' di Kampung Meritam dengan kos RM500,000.

"Kami akan menaik taraf infrastruktur pelancongan di Kampung Patiambun yang melibatkan kos RM200,000 dan menambah baik aspek landskap di Taman Kenangan dengan kos kira-kira RM200,000," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata tarikan terbaru pelancongan di Limbang iaitu Pusat Kebudayaan Bisaya, sedang dalam pelaksanaan dengan kos RM500,000.

Terletak di antara sempadan Brunei dan Sabah, Limbang kini sebuah destinasi popular semasa cuti sekolah disebabkan lokasi yang strategik selain laluan darat dan udara yang semakin baik.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669421>